

Foto: HASRIYASYAH SABUDIN

Mangsa alami kebuluran, tertekan dalam tempoh panjang

Seremban: Punca kematian Nora Anne Quoirin, 15, yang ditemui selepas 10 hari hilang daripada sebuah resort di Pantai, dekat sini, akhirnya terungkap apabila polis memaklumkan remaja warga Ireland itu meninggal dunia akibat kebuluran dan tekanan dalam tempoh panjang.

Hasil bedah siasat yang dijalankan 10 jam bermula jam 11.45 pagi kelmarin turut mendapati tiada kesan luka atau unsur jenayah sekali gus menolak dakwaan remaja itu dilarikan, diculik dan dirogol.

Ketua Polis Negeri Sembilan, Datuk Mohamad Mat Yusop berkata, anak sulung daripada tiga beradik itu didapati meninggal dunia antara dua ke tiga hari sebelum mayatnya ditemui pasukan petugas operasi dan penyelamat (SAR) 1.57 tengah hari Selasa.

"Hasil bedah siasat oleh pakar patologi yang memakan masa 10 jam semalam mendapati Nora Anne mati dalam masa dua ke tiga hari sebelum ditemui.

"Punca kematian sebenar adalah disebabkan kebocoran usus kerana tiada makanan dalam tempoh panjang dan stress (tekanan) yang berpanjangan," katanya ketika sidang media di Ibu Pejabat Kontinjen (IPK), di sini, semalam.


Katanya, laporan bedah siasat juga mendapati tiada kesan jenayah sama ada dirogol atau diculik pada tubuh remaja istimewa itu.

"Tiada kesan dirogol dan tiada kesan (perbuatan) jenayah. Hanya ada calar

HASIL BEDAH SIASAT


Nora Anne Quoirin

- UMUR 15 tahun
- WARGANEGARA Ireland



■ TARIKH KEMATIAN

Dalam tempoh 2 hingga 3 hari sebelum mayat ditemui



■ PUNCA KEMATIAN

Kebocoran usus disebabkan tidak makan dalam tempoh panjang dan tekanan

■ PENEMUAN LAIN

Kesan calar di kaki, tiada kesan rogol dan unsur jenayah

kecil pada kaki yang tidak menjurus kepada punca kematian," katanya.

Mengulas mengenai pejabat pendakwa raya Perancis yang membuka siasatan jenayah terhadap kes Nora Anne, Mohamad berkata beliau tidak mengetahui mengenai perkara itu.

"Bagaimanapun pihak Perancis, Ireland dan United Kingdom terbabit dalam membantu siasatan kes ini," katanya.

Sementara itu, Mohamad berkata pihaknya turut

menerima laporan berhubung tindakan seorang pengguna laman sosial Twitter yang memuatnaik ciapan mendakwa mangsa dirogol Orang Asli.

"Siasatan sedang dijalankan untuk mengenal pasti dan mengesan pemilik akaun laman sosial itu," katanya.

Katanya, dengan selesainya bedah siasat, tiada halangan untuk keluarga Nora Anne menuntut mayat remaja itu dan ia boleh dilakukan pada bila-bila sahaja.



KUMPULAN pakar patologi dari Hospital Kuala Lumpur (HKL) keluar dari Jabatan Forensik Hospital Tuanku Ja'afar Seremban, Negeri Sembilan selepas proses bedah siasat mayat Nora Anne.



Untuk video layar
www.hmetro.com.my/mymetrotv